

Headline	Masa depan industri minyak sawit Malaysia cerah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Nov 2019	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,529
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,587



Masa depan industri minyak sawit Malaysia cerah

KUALA LUMPUR: Belanda yakin mengenai kepentingan minyak sawit dan melihat masa depan yang cerah bagi industri itu di Malaysia.

Duta Besar Belanda ke Malaysia Aart Jacobi berkata beliau tidak bimbang mengenai perbincangan berhubung langkah terhadap minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU).

"Kita semua tahu bahawa kelapa sawit bagi setiap meter persegi atau setiap ekar memberikan hasil 8 kali lebih tinggi daripada minyak lain yang kita tahu.

"Oleh itu, ia amat penting untuk penduduk dunia yang akan meningkat dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

"Terdapat rundingan dan perbincangan mengenai langkah-langkah EU ke atas minyak sawit tetapi itu hanya jangka pendek.

"Bagi jangka masa panjang, saya berpendapat wu-

jud masa depan yang baik bagi minyak sawit," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis pemeteraian surat hasrat antara Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Belanda Christoph Prommersberger bagi pihak Belanda di Parlimen, semalam.

Menteri Industri Utama Teresa Kok Suh Sim, yang turut menyaksikan majlis pemeteraian itu, berkata pelak-

sanaan program Inisiatif Kebangsaan bagi Pekebun Kecil Kelapa Sawit Mampam dan Iklim-Pintar (NI-SCOPS) bertujuan meningkatkan produktiviti, kemampuan dan kehidupan pekebun kecil kelapa sawit di tujuh lokasi di negara ini.

Beliau berkata program itu akan turut membangunkan sistem pemantauan yang me-

nyokong minyak sawit bebas daripada penebangan hutan, meningkatkan kapasiti penyesuaian pekebun kecil berdasarkan perubahan iklim di tujuh lokasi dan menyumbang kepada semakan semula standard Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) untuk pekebun kecil.

Jawatankuasa Kecil mengenai Kelapa Sawit (SCOP) merupakan platform kerajaan kepada kerajaan untuk membincangkan kerjasama NI-SCOPS.

Kok berkata Solidaridad Network dan Inisiatif Perdagangan Mampam merupakan rakan kongsi pelaksana bagi pihak Belanda, dan program pembiayaan akan dilaksanakan oleh rakan-rakan kongsi pelaksana itu.

MPOB adalah rakan kongsi bagi pihak kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Industri Utama, dan



MENTERI Industri Utama Teresa Kok (dua, kanan) menyaksikan majlis menandatangani MoU di antara Ketua Pengarah MPOB Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir (kanan) dengan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Belanda di Malaysia Christoph Prommersberger (kiri) di Parlimen semalam. Turut hadir Duta Besar Belanda ke Malaysia Aart Jacobi (dua, kiri).

rakan-rakan pelaksana ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit

Malaysia. Melalui program NI-SCOPS, Malaysia akan menerima pembiayaan seba-

nyak RM25 juta daripada kerajaan Belanda untuk tempoh tiga tahun akan datang. — BERNAMA